



Siaran Akhbar

PROTON LANCARKAN RANGKAIAN MINYAK PELINCIR

- Minyak Pelincir Tulen Proton akan digunakan di semua pusat servis yang sah

Subang Jaya, 15 Oktober 2021 – Pembuat kereta tempatan PROTON hari ini mengumumkan pelancaran rangkaian produk minyak pelincir yang diformulasi secara eksklusif untuk kereta jenama PROTON. Produk ini di bawah jenama alat ganti tulen syarikat, terdapat empat gred di dalam senarai Minyak Pelincir Proton (PGO) iaitu dari PGO 1 ke PGO 4, yang termasuk minyak sintetik penuh, minyak semi-sintetik dan minyak pelincir jenis mineral.

Diformulasi untuk semua enjin PROTON

Dengan mengambil manfaat daripada kerjasama bersama rakan teknikal, rangkaian minyak pelincir PGO diformulasikan secara spesifik untuk enjin kereta PROTON oleh Petronas. Dihadirkan dengan spesifikasi 5W30 SP, 5W30 SN, 10W30 SN dan tahap kelikatan 15W40 SN dengan API SP dan tahap API SN, kesemuanya boleh didapati di wakil servis PROTON yang sah. Minyak pelincir tersebut juga boleh didapati di stokis alat ganti, walaupun pada waktu ini hanya terhad kepada PGO 3 dan PGO 4.

“Pelancaran minyak pelincir PGO adalah satu langkah baharu bagi perjalanan PROTON untuk menjadi jenama automotif premium di Malaysia. Kami bekerja dengan rakan niaga dalam penghasilan formulasi bagi memastikan ia mencapai tahap yang diinginkan oleh kami dan memberikan pelanggan perlindungan enjin untuk model Proton mereka dengan harga yang berpatutan. Dengan senarai penuh produk tersebut, keseluruhan rangkaian model dirangkumi termasuk enjin baharu TGDI yang digunapakai pada SUV kami.”

“Menuju ke hadapan, PROTON juga menerokai peluang di mana kita boleh bekerjasama dengan pembekal untuk memberikan lebih nilai kepada pelanggan. Kami juga akan mengolah kekuatan rangkaian wakil jualan yang mempunyai jumlah pusat 3S dan 4S terbesar di dalam negara, bagi memastikan produk seperti rangkaian PGO boleh didapati di seluruh negara secepat yang mungkin, kata Roslan Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif, Proton Edar.

-Tamat-

Rangkaian Minyak Pelincir Tulen

Produk	PGO 1	PGO 2	PGO 3	PGO 4
Kelikatan, API dan spesifikasi	SAE 5W-30, API SP ILSAC GF-6A	SAE 5W-30, API SN ILSAC GF-5	SAE 10W-30 API SN ILSAC GF-5	SAE 15W-40 API SN
Jenis Minyak Pelincir	Sintetik penuh	Sintetik penuh	Semi-sintetik	Mineral
Saiz	5-liter	4-liter	4-liter	4-liter
Harga jualan	RM163	RM159	RM105	RM78